

Baca petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikut.

Hari ini hari lahir Khai Ling. Ibunya menghadihkannya sebuah tabung. Tabung itu berbentuk gajah. Khai Ling berasa sangat gembira menerima hadiah itu. Dia mengucapkan terima kasih kepada ibunya.

Khai Ling akan menyimpan wang di dalam tabungnya apabila pulang dari sekolah. Sebahagian wang belanja yang diberikan oleh ayahnya akan disimpan di dalam tabung itu.

Setelah beberapa bulan, tabungnya telah penuh. Khai Ling berasa gembira kerana dapat menyimpan wang. Khai Ling juga menjadi seorang yang berjimat cermat.

1. Siapakah yang menghadihkan tabung kepada Khai Ling?

2. Apakah perasaan Khai Ling setelah menerima tabung itu?

3. Bilakah Khai Ling menyimpan wang di dalam tabungnya?